

Kembara Sutera


2017
CJ

Tempat yang Paling Sesuai Dikunjungi pada Musim Luruh
Kesegaran Warna Alam di Kaunti Pan
Nikmati Keindahan Pemandangan Ala Eropah di Xinjiang
Xi'an, Tempat Menarik bagi Peminat Sejarah
Minum Teh dalam Mangkuk Besar
Laluan Pejalan Kaki Paling Indah di Timur China

*Kepelbagaian
Penyampaian Ucapan Selamat TBC*



Discover the beauty of China with us



www.airchina.com.my

Kuala Lumpur-Beijing 0020-0630

Beijing-Kuala Lumpur 1640-2310

Fly with us on A330-300(301 Seats)

[Facebook.com/AIR CHINA KUL](https://www.facebook.com/AIR.CHINA.KUL)

Email: kul_ca@outlook.com

Tel:03-21661999 Fax:03-21663999



Pembaca yang budiman

Setelah dua bulan tidak bertemu, alangkah gembiranya dapat bersua semula dengan anda semua pada bulan dan tahun baharu ini. Setahun telah pun berlalu, kini tiba lagi setahun yang serba baharu. Sekiranya ada lagi impian yang masih belum terlaksana, ambillah kesempatan 365 hari yang bakal menjelma ini dengan sebaik-baiknya. Semoga kedatangan tahun baharu ini akan lebih indah warnanya, lebih manis kenangannya dan lebih menyala semangatnya, selain menjadikan diri kita lebih baik daripada tahun yang sebelum-sebelumnya.

Setahun telah pun berlalu pergi, namun masih banyak lagi destinasi percutian yang telah dimasukkan dalam senarai "wajib dikunjungi" belum dapat disempurnakan disebabkan kekangan pelbagai masalah dan urusan. Oleh itu, sekiranya salah satu impian anda adalah mahu menjejakkan kaki di benua Eropah, namun tersepit dengan masalah bajet, maka kami mencadangkan anda ke Xinjiang. Panorama indah ala Eropah yang terbentang luas di situ, pasti membuatkan anda yakin, yang anda telah pun berada di benua Eropah.

Selain itu, kami turut menyenaraikan tempat-tempat yang sesuai dikunjungi pada musim luruh sebagai persediaan untuk anda menyediakan bajet atau mencari pelbagai maklumat lanjut. Sukar dinyatakan dengan kata-kata betapa memukanya pemandangan alam tatkala dikelilingi daun maple yang berwarna merah dan daun gingko yang berwarna kuning, khususnya di kaunti Pan. Maka, anda harus datang dan melihatnya sendiri.

Oh, ya! Tidak lama lagi Tahun Baharu Cina akan menjelang tiba. Pada hari tersebut, pasti anda mahu menyampaikan ucapan istimewa kepada semua kenalan yang meraikannya. Kami turut menyediakan maklumat tentang kepelbagaian ucapan tahun baharu tersebut. Moga-moga anda dapat memanfaatkannya.

Baiklah, semoga kita berjumpa lagi dalam keluaran yang akan datang. Sambutlah salam mesra daripada kami. **KS**

张雯雯
Awan



Penerbit:

Radio Antarabangsa China (CRI)

Ketua Pengarang:

An Xiaoyu

Timbalan Ketua Pengarang:

Zhang Wenwen

Ketua Editor:

Wang Jin

Editor:

Zaidah Ahmad Rosly

Zhang Wei Lin Ying

Tempat Edaran:

Malaysia

Tarikh Terbit:

**Julai, September, November, Januari,
Mac, Mei**

Laman Sesawang:

<http://lmalay.cri.cn>

facebook:

www.facebook.com/kembarasutera

E-mel:

mal@cri.com.cn

Surat-menyurat:

**Malay Service,
China Radio International,
16A Shijingshan Road,
100040 Beijing, P.R. China.**

Telefon:

+86-10-68892073

06

Tempat yang Paling Sesuai Dikunjungi pada Musim Luruh

10

Kesegaran Warna Alam di Kaunti Pan

14

Nikmati Keindahan Pemandangan Ala Eropah di Xinjiang

18

Xi'an, Tempat Menarik bagi Peminat Sejarah

22

Minum Teh dalam Mangkuk Besar

24

Kepelbagaian Penyampaian Ucapan Selamat TBC

28

Laluan Pejalan Kaki Paling Indah di Timur China

32

Barang Larangan dalam Pesawat

34

Dapur Lazat Anisah : Penkek Telur dengan Zukini

Tempat yang Paling Sesuai Dikunjungi pada Musim Luruh

Musim luruh dianggap musim yang paling baik untuk mengembara, kerana cuaca yang sederhana, tidak panas dan tidak sejuk

Beberapa destinasi pelancongan yang paling sesuai untuk mengembara pada musim luruh.



Muligong, kampung yang paling indah di Huangshan

Muligong terletak di pekan Xikou, kaunti Xiuning, bandar Huangshan. Kampung yang terletak di tempat setinggi lebih seribu meter dari paras laut ini merupakan kampung yang altitudnya paling tinggi antara pekan-pekan kuno Huizhou di sekitarnya.

Kampung ini terletak di pinggang gunung, tiga seginya tergandung di rabung gunung dan selalu dikelilingi lautan awan. Bangunan-bangunan yang klasik dipelihara dengan baik di kampung yang bersejarah 300 tahun ini.

Seketika musim luruh tiba pada bulan Oktober, boleh kelihatan hasil pertanian seperti cili merah, labu, soya dan jagung dikeringkan di atas serembi kayu.



Jiamusi, bandar di hujung timur China

Bandar Jiamusi, bandar yang terletak di hujung timur di China amat menarik kerana di situ terdapat sebuah pekan yang bernama Wusu. Penduduk di tempat itu menyambut sinaran cahaya matahari yang paling awal di China.

Di Jiamusi juga tersimpan sebatang landasan kereta api yang merentasi gunung dan hutan.

Pihak pengendalian landasan kereta api itu ialah Biro Perhutanan Huanan yang masih menyimpan kereta api dengan enjin stim. Di kilang yang lama, dua kereta api jenis tersebut diletakkan di atas landasan, mengunjung di sana seperti menonton filem mengenai zaman dahulu. Menaiki kereta api yang vintaj itu memasuki hutan untuk menikmati daun pokok yang berwarna-warni pada musim luruh sungguh menarik.

Pekan Chongwu di Hui'an

Kaunti Hui'an amat terkenal di bandar Quanzhou,

provinsi Fujian China kerana di sana terdapat sebuah pekan purba yang kecil yang dinamakan Chongwu.

Di sekitar Chongwu terdapat 12 buah pantai pasir yang indah dengan bentuknya yang amat berbeza. Selain menikmati pemandangan pantai laut yang indah, pelancong juga boleh bertemu dengan wanita Hui'an yang memakai pakaian yang sangat istimewa ketika berjalan-jalan di pekan purba Chongwu.

Kota purba di pekan Chongwu merupakan kota yang dibina dengan batu granit yang dipelihara paling lengkap di China.

Taman Hutan Negara Mordaga di Mongolia Dalam

Taman Hutan Mordaga, taman peringkat negara yang pertama di Wilayah Autonomi Mongolia Dalam merupakan taman hutan yang paling besar di China dengan keluasan mencatat 455 ribu hektar, kadar litupan hutan mencapai 93.3%.

Pemandangan musim luruh di taman ini tidak boleh terlepas walaupun hanya dapat dinikmati dalam tempoh sebulan sahaja.

Pada awal bulan Oktober, hutan akan memaparkan pelbagai warna seperti merah tua dan kuning, tetapi pokok pinus sylvestris var yang hanya tumbuh di kawasan yang tinggi dari paras laut sentiasa mengekalkan warna yang hijau di samping buah-buahan liar yang matang dapat dijumpai di merata-rata tempat.

Padang rumput Zhangbei, syurga bagi jurugambar

Padang rumput Zhangbei adalah tempat aktiviti pemburuan bagi maharaja Dinasti Qing (tahun 1616-1911). Sekarang tempat ini merupakan antara pemandangan musim luruh yang paling indah bagi para peminat untuk mengambil foto pemandangan alam.

Langit yang biru, awan yang putih, khemah etnik Mongol yang istimewa, ternakan kambing, lembu dan unta, yang semua petanda pemandangan padang rumput dapat dinikmati di situ.

Pada bulan Oktober, daun

tumbuh-tumbuhan berubah warnanya yang membentuk dunia yang berwarna-warni di situ.

Guilin, pemandangan musim luruh yang menakjubkan

Guilin adalah destinasi pelancongan yang terkenal di China, terutamanya pada musim panas yang akan menarik ramai pelancong. Sebenarnya ketika musim luruh tiba, pemandangan Guilin yang berubah menjadi warna kuning

juga amat menakjubkan.

Bermula dari penghujung bulan Oktober, sawah padi dan pokok ginkgo yang berwarna kuning keemasan kelihatan lebih menarik berbanding dengan musim-musim yang lain. Pelancong boleh menaiki kapal persiaran dari pelabuhan Zhujiang sampai ke Yangshuo untuk menikmati keindahan pemandangan alam Guilin. Pelancong juga boleh berjalan-jalan di pekan purba Xingping yang terletak di tebing Sungai Li untuk menghayati budaya dan sejarah pekan itu. **KS**





Melihat pemandangan berkabus seumpama berada di negeri atas langit

Kesegaran Warna Alam di Kaunti Pan

Kaunti Pan, yang terletak paling barat dalam peta provinsi Guizhou, mungkin masih belum begitu dikenali umum, khususnya dalam kalangan para pelancong. Tidak dikenali bukan bermaksud “tiada apa-apa yang boleh dilihat” di kaunti

tersebut. Bagi pencinta alam semula jadi atau penggemar aktiviti mendaki, kaunti Pan adalah tempat yang harus anda terokai. Selain itu, suhunya yang sekitar 20 darjah Celsius sepanjang tahun amat sesuai untuk mereka yang mahu melarikan diri daripada

dihambat bahang matahari.


Tatkala memasuki wilayah kaunti Pan, anda pasti terpandang akan imej-imej daun gingko di merata-rata tempat. Sebenarnya kaunti Pan turut dikenali sebagai kampung halaman pokok Gingko purba di dunia. Oleh itu, sekiranya anda

mahu melihat pokok gingko yang berusia 1500 tahun, 1000 tahun atau 800 tahun, silalah berkunjung ke Tuole kerana di situlah terdapat pokok-pokok gingko purba tersebut.

Apabila sudah berada di sana, pasti anda tidak dapat menahan diri atau tidak puas-puas merakam gambar kenangan saat dikelilingi daun-daun kuning keemasan yang begitu mengujakan. Apabila matahari mula memancarkan sinarnya, segala isi alam



Pemandangan waktu malam di kaunti Pan



Pokok gingko yang berusia 1000 tahun



Antara seni bina yang bercirikan tradisional China yang terdapat di Tuole



Daun ginkgo yang berselerakan di Tuole



Pemandangan di padang rumput Wumeng

seakan-akan tersenyum ceria. Menurut pihak berkuasa kaunti Pan, pokok ginkgo di Tuole sangat unik kerana pokok ginkgo di situ tumbuh secara semula jadi, selain mempunyai jangka hayat yang panjang dan akar yang sangat kuat.

Tuole merupakan sebuah kawasan yang agak jauh dari kawasan bandar, namun sangat kaya dengan keindahan alam semula jadi kerana di sekitarnya terdapat gunung-ganang, tasik, selain seni bina bangunan yang bercirikan tradisional China. Bersantai sebentar di sana pasti membuatkan anda lupa akan

waktu yang pantas berlalu.

Kira-kira sejam setengah perjalanan dari Tuole, anda akan tiba di kawasan padang rumput Wumeng (Wumeng Prairie). Oleh sebab padang rumput tersebut terletak di kawasan dataran tinggi, maka tiupan angin di kawasan tersebut agak kuat. Di sana, anda akan melihat gunung-ganang yang menghijau di sekeliling anda, sungai yang mengalir, kediaman penduduk tempatan di kawasan lembah, selain berpuluh-puluh turbin angin.

Sekiranya berkemampuan,

apa kata anda mendaki tangga untuk ke puncak kerana pemandangan yang menunggu anda ketika di puncak tidak akan membuatkan anda menyesal mendaki tangga hingga ke bahagian paling atas. Saat berada di atas, barulah anda benar-benar menghayati atau mengenali "wajah sebenar" kaunti Pan. Setelah turun semula ke bawah, sekiranya bernasib baik, anda berpeluang menyaksikan panorama matahari menghilang di bawah garis ufuk di sebelah barat. Pada ketika itu, anda dapat melihat dengan jelas

lapisan warna-warna langit saat matahari mula terbenam sedikit demi sedikit, sebelum bumi akhirnya di selubungi kegelapan. Alangkah indah dan menakjubkan segala ciptaan Tuhan.

Di kaunti Pan juga terdapat satu destinasi pelancongan yang disebut, pekan lautan buluh. Di situ, anda seolah-olah memasuki hutan buluh yang serba moden. Selain jambatan kaca dan tangga kayu, terdapat rumah rehat dua tingkat yang diperbuat daripada buluh disediakan di situ untuk kemudahan para pengunjung.

Berjalan perlahan-lahan di celah-celah pokok buluh sambil mendengar siulan bayu dan arus sungai yang mengalir perlahan terasa begitu mendamaikan. Serasa seperti segala kepenatan yang membebani diri hilang entah ke mana. Perlahan-lahan diri seumpama diserapi aura-aura positif. Sememangnya pengalaman bersiar-siar di hutan buluh adalah satu pengalaman yang menyeronokkan kerana pada suatu ketika dahulu berada di kawasan yang dipenuhi buluh boleh dikatakan agak berbahaya, namun kini setelah dimodenkan, ternyata buluh juga mempunyai daya tarikan tersendiri yang begitu istimewa.

Setelah penat bersiar-siar, tiba masanya untuk menjamu selera.

Alangkah seronoknya jika sambil melancong dapat menjamu selera di destinasi

yang dilawati, lebih-lebih lagi dapat menikmati makanan halal tempatan, khususnya kepada penganut agama Islam. Sebenarnya, tidak sukar untuk mencari restoran-restoran yang bertanda "halal" di kaunti Pan, malah sekiranya anda mengunjungi pekan Xinmin, yang terletak kira-kira 90 kilometer dari kaunti Pan, anda pasti berkesempatan menemukan Restoran Zhang Da Wen, sebuah restoran makanan halal yang diusahakan oleh sepasang suami isteri. Nama restoran tersebut diambil sempena nama pemilik restoran tersebut, iaitu Zhang Da Wen. Stimbot sup daging lembu merupakan menu utama di restoran tersebut yang dimakan bersama-sama dengan sayur-sayuran dan nasi putih.

Selesai menjamu selera, sekiranya mahu menunaikan solat, silalah berkunjung ke Masjid Damuqiao yang terletak tidak jauh dari Restoran Zhang Da Wen. Masjid yang siap dibina pada 1 Mei 2016 itu adalah hasil sumbangan penduduk setempat yang



beragama Islam. Semasa masjid tersebut dirasmikan, bukan sahaja penganut Islam dari kawasan-kawasan berhampiran sahaja yang hadir, malah penduduk Islam dari provinsi lain, seperti provinsi Yunnan juga hadir bagi mengimarahkan masjid baharu tersebut, di samping mengeratkan tali silaturahim sesama umat Islam.

Walaupun masih baru dalam sektor pelancongan, kaunti Pan tidak kurang hebatnya. Dengan selesainya pembinaan kereta api berkelajuan tinggi dari Shanghai ke Kunming yang akan singgah di kaunti Pan, tidak mustahil dalam beberapa tahun akan datang, kaunti Pan mampu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan destinasi pelancongan terkemuka yang lain. **KS**



Panorama matahari terbenam di padang rumput Wumeng

Nikmati Keindahan Pemandangan Ala Eropah di Xinjiang

Keindahan pemandangan di Eropah, seperti perkampungan dalam kisah dongeng di Eropah Utara, hutan rimbun di Norway, bahkan ladang bunga lavender di wilayah Provence Perancis boleh ditemukan di Wilayah Autonomi Uygur Xinjiang China. Jika melawat ke Xinjiang, boleh dikatakan seolah-olah melancong di Eropah



Kaunti Huocheng

Xinjiang bukan sahaja terkenal dengan keindahan ladang bunga sesawi dan lautan bunga perila di Zhaosu, malah anda pasti kagum melihat ladang bunga lavender yang begitu indah sekiranya melancong ke kaunti Huocheng.

Huocheng adalah antara tiga kawasan penanaman lavender yang paling luas di dunia. Huocheng terletak di lembah Sungai Yili, sebelah utara Gunung Tianshan. Keadaan persekitaran termasuk iklim dan tanah yang amat mirip dengan Provence, Perancis menyebabkan lavender yang tumbuh di kawasan ini lebih subur. Hamparan ladang bunga berwarna ungu itu telah membangkitkan aura romantik.

Untuk menikmati keindahan ini, anda digalakkan ke Huocheng pada bulan Jun dan Julai.

Tasik Sayram

Tasik Sayram terletak di wilayah Boertala, sebelah barat Xinjiang dan berhampiran dengan Huocheng. Tasik ini merupakan salah satu destinasi pelancongan yang terkenal di Xinjiang, namun terdapat kisah cinta yang menyayat hati berkaitan dengan Tasik Sayram.

Tasik yang mempunyai air yang jernih ini berlatarkan gunung yang diselaputi salji, padang rumput di tepi tasik dihiasi dengan bunga-bunga liar yang berwarna-warni



dan sekawan kambing yang berkeliaran menambahkan lagi keserian tasik tersebut.

Melihat bayangan gunung bersalji dari dalam air, menimbulkan kekaguman yang tidak terperi, tidak setanding dengan perasaan ketika menikmati pemandangan Gunung Alps di Switzerland.

Sekiranya anda melancong ke tasik ini, anda boleh menyewa kereta dan memandu sendiri untuk mengelilingi tasik. Mengelilingi tasik ini mengambil masa setengah jam.

Pada hujung bulan Julai hingga Ogos, para penggembala etnik Mongol dan Kazak akan mengadakan festival di tepi tasik.

Kampung Baihaba

Kampung Baihaba yang terletak

paling hujung di barat laut China diibaratkan sebagai sebuah kampung dalam cerita dongeng. Kampung ini berjiran dengan Kazakhstan.

Selain itu, kampung yang terletak di lembah Gunung Artay ini juga masih mengekalkan persekitaran yang sunyi dan sepi. Kuda liar, rumah yang dibina dengan menggunakan kayu, padang rumput, hutan konifer dan glasier yang berlatarkan langit nan biru dan gunung bersalji, menyerlahkan pemandangan ala Eropah Utara yang aman dan damai.

Ladang Pastura Narenxia

Melancong di ladang pastura Narenxia yang terletak di kawasan Altay seumpama berada di hutan Norway.

Selain padang rumput yang

subur, terdapat juga hutan yang luas, sekawan lembu dan kambing, khemah-khemah putih, dan puncak gunung salji yang kelihatan bersinar-sinar di bawah cahaya matahari.

Ladang Pastura Narenxia berjarak kira-kira 23 km di utara Kampung Baihaba.

Ngarai Kuqa

Ngarai Kuqa tidak begitu gah jika dibandingkan dengan Grand Canyon Colorado Amerika Syarikat, namun menyimpan pelbagai misteri.

Dikatakan ketika berjalan menyusuri laluan yang dibina di ngarai itu, kadang kala akan kedengaran bunyi ketukan atau gosokan, walaupun tiada sesiapa melakukan apa-apa di situ.

Seiring dengan perubahan

kedudukan matahari, sinaran cahaya yang terpancar di celah-celah puncak gunung di kedua-dua tepi ngarai itu akan menghasilkan pelbagai imej seperti "dewi" atau "anjing".

Padang Pasir Kumtag

Padang pasir Kumtag yang terletak di hujung timur lembah Turpan merupakan sebahagian padang pasir Taklimakan, dan satu-satunya padang pasir yang bersambung dengan bandar di dunia, yang selalu disebut sebagai "padang pasir di dalam bandar".

Pada zaman Dinasti Tang (tahun 618-907), padang pasir Kumtag dikatakan sebagai laluan paling misteri dan sukar di sepanjang Jalan Sutera kuno tersebut.

Dalam ilmu perubatan

Uygur, padang pasir Kumtag sering digunakan untuk merawat penyakit, khususnya sengal-sengal sendi dan kesejukan.

Lebuh Raya Duku

Lebuh Raya Duku digelar sebagai laluan yang paling indah di Xinjiang, iaitu dari Dushanzi ke kaunti Kuqa sepanjang 561 kilometer dan merupakan lebuh raya yang menghubungkan kawasan utara dengan selatan Xinjiang.


Melakukan pemanduan sendiri mengikuti laluan lebuh raya itu membolehkan anda menikmati ngarai Gunung Tianshan, Tasik Naga

Besar dan Tasik Naga Kecil, padang rumput Bayinbluk, hutan Kunes dan padang rumput Narat.

Destinasi tersebut adalah destinasi pelancongan yang terkenal di Xinjiang.

Lebuh Raya Duku ditutup pada pertengahan bulan

Oktober hingga bulan Mei tahun berikutnya. **KS**





Pintu Selatan bandar Xi'an pada sebelah malam

Sebagai salah sebuah kota tertua di China, Xi'an ialah satu daripada empat bandar ibu kota purba terkenal di dunia. Bandar yang pernah dipanggil Chang'an ini memiliki sejarah yang berusia lebih daripada 3,100 tahun dan pernah menjadi pusat pemerintahan untuk beberapa dinasti yang paling berpengaruh, termasuklah Dinasti Zhou (1045-256 Sebelum Masihi), Qin (221--207 Sebelum Masihi), Han (206 Sebelum Masihi--220 Masihi), Sui (581 --618 Masihi) dan Tang (618 --907 Masihi). Oleh itu, Xi'an dianggap sebagai tempat berkembangnya bangsa dan

kebudayaan China.

Pada zaman Dinasti Tang, negara dan kawasan yang menjalinkan hubungan dengan Tang mencatat 300 buah, turut menjadikan Chang'an pusat perdagangan dan kebudayaan antara dunia Timur dengan Barat.

Sains dan teknologi, kebudayaan, sistem politik, fesyen dan pakaian Tang diperkenalkan kepada negara-negara lain, manakala kebudayaan Barat diterima oleh Tang, kemudian diubahsuaikan dan diperkenalkan kepada Jepun, Korea dan negara Asia yang lain.


Chang'an juga menjadi

tempat permulaan Laluan Sutera pada zaman purba China. Sejak tahun 1990-an, sebagai sebahagian dari tonggak kebangkitan ekonomi kawasan pedalaman China terutama untuk wilayah tengah dan barat laut, bandar Xi'an telah dimajukan menjadi pangkalan penyelidikan sains, pengajian peringkat tinggi, industri sains dan teknologi pertahanan dan industri teknologi canggih, di samping pangkalan pengeluar pesawat saiz besar dan program angkasa lepas China.

Pada tahun 2010, bandar Xi'an dipilih sebagai antara 10 bandar pelancongan yang mempesonakan di China. Pada masa ini, terdapat enam tempat di bandar ini disenaraikan sebagai Warisan Budaya Dunia, termasuk Terra Cotta yang juga dikenali sebagai Keajaiban Kelapan di dunia. **KS**

Xi'an

Tempat Menarik bagi Peminat Sejarah



Taman yang bercirikan budaya Dinasti Tang



Makanan halal di Jalan Makanan Halal Xi'an



Penduduk tempatan beriadah pada sebelah pagi di kaki tembok purba Xi'an



Orang membuat gula di Jalan Makanan Halal di Xi'an



Barangan warisan budaya di muzium sejarah Xi'an



Makanan halal di Jalan Makanan Halal Xi'an



Menara Loceng



Menara Gendang



Barangan warisan budaya di muzium sejarah Xi'an



Rasai Pengalaman Minum Teh dalam Mangkuk Besar

Tradisi meminum dawancha, iaitu teh yang disediakan dalam teko besar sebelum dihidangkan dalam mangkuk besar, sudah diamalkan di utara China berdekad-dekad lamanya.

Walaupun cara meminum "teh mangkuk besar" itu nampaknya agak kasar, namun restoran-restoran teh tidak memerlukan hiasan

mewah, yang diperlukan hanyalah sebuah meja, beberapa bangku kayu dan mangkuk besar.



Oleh itu, restoran teh dawancha sering kelihatan seperti sebuah gerai atau kiosk yang menyediakan tempat rehat kepada pejalan kaki bagi menghilangkan dahaga mereka.

Tabiat minum teh tersebut amat popular di utara China, antaranya dawancha Beijing yang paling terkenal.

Pusat Beli-belah Dawancha yang terkemuka di



Beijing mendapat namanya sempena tabiat minum teh tersebut.

Terdapat hampir seribu restoran teh di Beijing pada ketika ini. Antaranya termasuklah Restoran Teh Laoshe yang amat digemari kebanyakan pengunjung kerana budaya dawancha, dengan teh berharga 2 sen semangkuk, yang wujud sejak 1980-an, masih dikekalkan hingga hari ini.

Kini, dawancha yang

berharga 2 sen semangkuk masih setia berada di sisi pintu Restoran Teh Laoshe dan menarik kedatangan ramai pengunjung pada setiap hari.

Restoran Teh Laoshe, yang dibina pada tahun 1988 sempena nama seorang penulis tersohor, masih popular sehingga kini kerana mewarisi tradisi yang diamalkan di Beijing sejak turun-temurun.

Terdapat persembahan yang diadakan di restoran tersebut pada setiap hari. Anda

bukan sahaja dapat menikmati teh, malah boleh mendengar pengisahan dan pertunjukan opera untuk mengimbau kembali nostalgia kota Beijing pada zaman lampau.

Lukisan pada dinding restoran menggambarkan kehidupan harian penduduk yang aman dan makmur di kota lama Beijing.

Selain itu, anda juga boleh melihat pameran yang berada di tingkat dua restoran tersebut secara percuma. **KS**



Kepelbagaian

Penyampaian Ucapan Selamat TBC





Amalan mengucapkan selamat tahun baharu merupakan tradisi penting kepada masyarakat Cina semasa meraikan Tahun Baharu Cina (TBC), yang juga dikenali sebagai Pesta Musim Bunga.

Seiring dengan perubahan sosial dan kemajuan sains dan teknologi, walaupun amalan ini masih kekal, namun cara untuk menyampaikan ucapan

selamat tahun baharu turut berubah.

Daripada budaya kunjung-mengunjungi, menghantar surat atau poskad kepada panggilan telefon, menghantar mesej ringkas atau menggunakan Wechat, kini cara untuk menyampaikan ucapan selamat tahun baharu semakin pelbagai. Pada masa ini, ramai pengguna

media sosial membuat video sendiri bagi menyampaikan ucapan selamat tahun baharu kepada kumpulan rakan untuk berkongsi kegembiraan bersama-sama dengan mereka.

Masyarakat Cina gemar mengunjungi rumah sanak saudara semasa TBC kerana mereka berpendapat bahawa cara bersemuka ketika menyampaikan ucap selamat

adalah lebih bermakna dan mesra. Dalam masa yang sama, perubahan kaedah penyampaian ucapan selamat tahun baharu berkait rapat dengan kemajuan sains dan teknologi.

Panggilan telefon atau menghantar khidmat pesanan ringkas (SMS) adalah cara biasa dan lebih cepat kerana telefon bimbit sudah menjadi satu keperluan dalam


kehidupan harian. Namun, selain kelebihan tersebut, penghantaran SMS juga ada kelemahannya. Oleh sebab pengguna telefon bimbit gemar menghantar SMS selamat tahun baharu yang sama kepada semua rakan, maka ucapan tersebut menjadi semakin hambar dan membosankan.

Pada tahun-tahun ini, aplikasi Wechat menjadi medium yang paling mudah dan popular untuk menyampaikan ucapan selamat tahun baharu hingga menyebabkan penggunaan SMS terus merosot. Generasi muda kini sudah beralih

kepada pelbagai media sosial seperti Wechat dan QQ untuk menyampaikan ucapan selamat, selain blog mikro atau Weibo yang turut menjadi trend semasa.


Selain itu, ramai juga yang membuat video ringkas untuk dikirimkan kepada kumpulan rakan media sosial bagi menyampaikan ucapan selamat serta doa dan harapan pada TBC. Penggunaan video ringkas tersebut lebih menyentuh hati si penerima kerana selain kandungannya yang unik dan menarik, jelas mempamerkan kesungguhan dan keikhlasan hati si pengirim. **KS**





Laluan Pejalan Kaki Paling Indah di Timur China

Kini, aktiviti sukan dan riadah seperti mengembara berjalan kaki sering diamalkan oleh penduduk bandar. Dalam rencana ini, kami akan memperkenalkan beberapa laluan di provinsi Zhejiang, Anhui dan Jiangxi yang pemandangan alamnya paling indah kepada pencinta alam, khususnya mereka yang berminat dengan aktiviti riadah dan berjalan kaki. Pelbagai aktiviti seperti mendaki bukit, merentas hutan, berenang, memancing, berkhemah dan berkelah boleh dilakukan di lokasi tersebut.



Laluan Kuno Pokok Mapel di Wenzhou

Jalan ini dibina pada zaman purba dan mempunyai pemandangan musim gugur paling indah di



provinsi Zhejiang. Pandangan tersebut telah menarik minat pelancong untuk pergi ke sana dan melihat sendiri betapa indahnyanya daun pokok mapel di situ, di samping menghayati kejernihan Tasik Tianding.

Dikatakan, tempat itu juga adalah lokasi terbaik bagi pasangan pengantin baharu untuk merakam foto perkahwinan.

Lokasi: kaunti Wencheng, sebelah barat daya bandar Wenzhou, provinsi Zhejiang.

Cadangan Laluan: Kaunti Wencheng - Kampung Lingjiao - Tasik Tianding - Gunung Dahuiling - kaunti Wencheng (kira-kira empat jam)

Kampung Kuno Lin'an

Pada bulan Oktober hingga November setiap tahun, Kampung Zhinan di Lin'an kelihatan seolah-olah menjadi lautan pokok Gingko berikutan tiga ratus batang pokok Gingko yang berusia seratus tahun menghiasi seluruh kampung itu.

Jika anda berminat untuk

melihat kekuningan daun pokok Gingko, bolehlah memilih waktu seawal pagi untuk bertolak dari Kampung Hengdu, berjalan kaki menyusuri Sungai Nanshao.

Sepanjang perjalanan tersebut, daun pokok Gingko yang kuning keemasan dan daun pokok mapel yang merah menambahkan keserian pemandangan musim gugur di kampung itu.

Lokasi: Sebelah timur Gunung Tianmu, bandar Lin'an Hangzhou provinsi Zhejiang

Cadangan Laluan: Kampung Hengdu - Kampung Xiaoshan Tangding - Kampung Zhinan - Pochaiwu.

Laluan Kuno Huangnan Taizhou

Tiada perkara yang lebih

menggembirakan jika dapat beriadah dengan berjalan kaki di Laluan Kuno Huangnan di Taizhou, provinsi Zhejiang pada musim gugur.

Jambatan batu yang berbentuk melengkung dengan gaya zaman purba dan air yang mengalir di bawah jambatan tersebut telah membuatkan kita terbayang akan babak-babak dalam filem kartun Miyazaki Hayao, manakala pemandangan sawah berteres yang luas terbentang di Kampung Huangtan pula seumpama lukisan cat minyak.

Laluan kuno ini dibina daripada batu. Anda dapat menemukan rumah yang dibina di kawasan yang agak tersorok ketika berjalan di sepanjang perjalanan tersebut.

Lokasi: Kawasan sempadan

antara bandar Linhai dengan kaunti Tiantai, bermula dari Kampung Qianyang Tiantai hingga Kampung Dafan Linhai yang sepanjang kira-kira 12 kilometer.

Cadangan Laluan: Kampung Qianyang - Kuil Jigong - kaki Gunung Huangtan - Kampung Dafan - Kampung Qiangyang (kira-kira lima jam)

Laluan Kuno Huihang

Ketika menyebut laluan kuno bagi pejalan kaki, laluan Huihang lebih diketahui umum. Pada zaman dahulu, para peniaga di kawasan Huizhou, yang membawa keluar barangan dari kawasan pedalaman, telah melalui laluan tersebut. Perkara itu bukan sahaja telah menjadikan mereka kaya-raya, malah secara tidak

langsung telah berjaya meneroka laluan yang pemandangannya amat indah. Kini, laluan itu amat terkenal dalam kalangan peminat aktiviti luar.

Lokasi: Kawasan sempadan antara provinsi Anhui dengan Zhejiang, bermula dari arah barat pekan Fuling, kaunti Jixi, bandar Xuancheng, provinsi Anhui hingga ke timur Mukim Maxiao, bandar Lin'an provinsi Zhejiang, yang sepanjang kira-kira 15 kilometer.

Cadangan Laluan: Jixi-pintu masuk Laluan Kuno Huihang - pintu pertama Jiangnan - bendungan - Kampung Huangmaopei - Jambatan Qingliangfeng - Xiaxuetang - Liantianwa - jalan simpang Xiaoxi - Kampung Yonglai - pintu keluar Laluan Kuno Huihang (kira-kira tujuh jam) **KS**



Barang Larangan dalam Pesawat

Biarpun anda sudah banyak kali menaiki kapal terbang ke mana-mana destinasi sama ada dalam atau luar negara, namun pasti ramai yang masih keliru tentang barang-barang yang dilarang dibawa masuk ke dalam pesawat bersama-sama dengan anda. Jika tidak, anda terpaksa membuka bagasi yang sudah berkunci rapi untuk membuang barang larangan berkenaan.



1. Barangan tajam

Jangan membawa barangan tajam di dalam bagasi tangan anda, antaranya termasuklah gunting kecil, mata pisau pencukur, pembuka botol, pemotong kuku, dan lain-lain. Walaupun saiznya kecil, tetapi bahagian yang tajam tersebut dikhuatiri boleh dijadikan senjata dan mendatangkan bahaya kepada penumpang lain di dalam pesawat.

2. Barangan cecair

Cecair yang dilarang dibawa ketika menaiki pesawat ialah jenis minyak dan cecair pemetik api. Walaupun tidak mendatangkan bahaya, namun cecair mestilah dimasukkan ke dalam satu bekas yang tidak melebihi 100 ml dan perlu dibungkus di dalam beg plastik yang diikat ketat.

Antara yang dikecualikan termasuklah ubat dan susu formula yang dibenarkan dibawa bersama-sama dengan anda ke dalam pesawat.

3. Alat penyembur

Semua jenis alat penyembur, seperti penyembur rambut, minyak wangi, racun serangga dan tin isian pemetik api adalah dilarang kerana mengandungi kandungan gas yang boleh menyebabkan kebakaran. Anda boleh membawa barangan tersebut melalui bagasi yang didaftarkan.

4. Peralatan sukan

Walaupun peralatan sukan, seperti kayu hoki atau raket tenis, adalah tumpul, tetapi anda tetap tidak dibenarkan untuk membawa barang-barang tersebut ke dalam pesawat kerana boleh mendatangkan kecederaan kepada penumpang lain ekoran saiznya yang besar. Peralatan tersebut juga boleh mengganggu para penumpang

ketika meletakkan bagasi tangan mereka pada ruang penyimpanan.

5. Buah-buahan

Keenakan buah-buahan tempatan memang tidak dapat disangkal lagi. Namun, seaneh mana pun, ada antara buah-buahan tempatan yang tidak dibenarkan dibawa masuk ke dalam pesawat kerana dikhuatiri baunya boleh mengganggu ketenteraman penumpang.

Buah seperti durian yang terkenal dengan baunya yang kuat dan tajam boleh menyebabkan penumpang yang tidak tahan berasa mual, muntah dan mungkin pengan. Selain durian, buah kuini dan cempedak juga adalah antara buah-buahan yang dilarang dibawa naik ke pesawat.

6. Bateri

Apabila kita melancong, kita sentiasa membawa pelbagai produk digital seperti telefon bimbit, tablet, kamera digital, bekalan kuasa mudah alih (power bank) dan lain-lain. Barang-barang ini perlu dibawa dalam beg bawa, dan janganlah dimasukkan dalam bagasi yang didaftarkan masuk.

Selain itu, telefon Samsung Note 7 kini telah dilarang oleh kebanyakan syarikat penerbangan untuk dibawa masuk ke pesawat, ekoran kejadian letupan bateri gajet tersebut. **KS**



Dapur Lazat Anisah



Penkek Telur dengan Zukini

Hai, semua pembaca! Selamat membaca ruangan Dapur Lazat Anisah.

Dalam keluaran kali ini, saya akan memperkenalkan sejenis labu kecil, Zukini.

Zukini asalnya ditemui di Amerika Utara serta mula diperkenalkan dan ditanam di China pada pertengahan abad ke-19.

Zukini mengandungi banyak nutrien seperti Vitamin C dan glukos, khususnya kandungan kalsium yang sangat tinggi.

Selain itu, perubatan tradisional Cina ada menyebut bahawa Zukini berperanan sebagai terapi bagi membantu merawat penyakit edema, kudis, nefritis, sirosis, di samping meningkatkan sistem imun untuk mencegah serangan virus dan kanser.

Bukan itu sahaja, Zukini juga menggalakkan rembesan insulin dalam tubuh, serta berkesan untuk mengawal dan merawat penyakit kencing manis dan penyakit buah pinggang, serta bermanfaat bagi meningkatkan keupayaan menjana semula sel-sel hati.

Satu hidangan Zukini yang menjadi kegemaran orang China ialah Penkek Telur dengan Zukini.

Jadi, Anisah ingin berkongsi cara memasak hidangan itu dengan semua pembaca. **KS**

Bahan: sebiji Zukini, sebiji telur, 200 gram tepung, minyak, garam, bawang hijau dan halia

Cara memasak:

1. Cuci Zukini hingga bersih, kemudian cencang. Letakkan Zukini yang telah dicencang tadi ke dalam mangkuk, bubuh 1/2 sudu teh garam, gaul hingga sekata.
2. Apabila Zukini mula mengeluarkan air, masukkan sebiji telur, tepung, bawang hijau dan halia, gaul lagi sehingga sekata. Pastikan adunan tidak berketul atau terlalu pekat.
3. Tuang sedikit minyak dalam kualiti leper, panaskannya dengan api kecil. Apabila minyak sudah panas, tuangkan satu sudu besar adunan, kemudian ratakannya. Selepas kedua-dua bahagian penkek sudah berwarna keperangan, angkat dan hidangkannya.

Baiklah, cara memasak hidangan itu telah pun selesai. Selamat mencuba!



Waktu Solat di China



Selain waktu solat dan panduan arah kiblat, anda juga boleh mendapat info-info berguna yang membantu menyempurnakan pelancongan anda di China, seperti :



restoran Islam



masjid



pusat beli-belah



tempat pelancongan

App ini secara automatik mengesan lokasi anda di China, Malaysia dan Indonesia, dan akan memaparkan waktu solat tempatan serta arah kiblat. Ia juga sebagai panduan khusus untuk warga muslim sewaktu berada di China.

The Great Wall Travel Prepaid Card 长城旅游预付卡

Your Perfect Travel Companion



With The Great Wall Travel Prepaid Card, you carry the symbol of excellence recognized throughout China.

Enjoy a suite of exclusive perks and privileges to make every trip a hassle-free, enjoyable and productive one.

Widest Access to UnionPay

UnionPay makes every transaction a breeze with China's largest payment network.

使用中国银联网络，让您随心所欲支付。

Preferential Discounts & Exclusive Privileges

Enjoy access to a wide range of traveling, shopping, dining and entertainment deals in Mainland China, Hong Kong, Macau & Southeast Asia Countries all year round.

尽享中国、港澳、东南亚地区精选优惠商户，享受全年旅游、购物、餐饮、娱乐优惠。

Zero Maintenance Fees

No Government Service Tax (GST), annual fee and monthly maintenance fee.

豁免政府税，不收取服务费、年费或月费。

Elegant Card Design

Exquisite card face with Dragon and auspicious clouds symbolize power and good luck.

精美龙形卡面，点缀祥云，给您带来力量与好运。



Bank Of China (Malaysia) Berhad website: www.bankofchina.com/my/

For more information and card application, please call **603-21750515** or visit any of our branches nationwide.